

2 warga Thailand seludup 60kg bekalan ditahan

B-H 9.1.2008 MS 3

Oleh Rashidi Karim

PADANG BESAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis merampas 60 kilogram minyak masak dan 250 kilogram tepung gandum yang cuba diseludup ke negara jiran di Kompleks Kuarantin dan Imigresen (KIK) di sini, kelmarin.

Barang kawalan itu cuba diseludup keluar dua penduduk Thailand menggunakan kenderaan mereka ketika ditahan pegawai bahagian penguatkuasa Kementerian yang mengadakan operasi khas di pintu sempadan berkenaan.

Pengarah KPDNHEP Perlis, Syed

Sulaiman Syed Mohd Nor, berkata pihaknya menemui 60 kampit minyak masak bernilai RM219 disembunyikan dalam sebuah kenderaan mereka dalam pemeriksaan jam 5.30 petang.

"Kita merampas minyak masak itu kerana warga Thailand terbabit tidak mempunyai sebarang dokumen sah untuk membawa keluar barangan kawalan terbabit.

"Dalam operasi bermula jam 7 pagi hingga jam 10 malam itu, pihak kami turut merampas 10 gumi tepung gandum seberat 250 kg bernilai RM590 dalam kenderaan milik seorang lagi warga Thailand di KIK, jam 2.30 petang," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Barangan 1961 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda RM100,000 dan kompaun RM7,500.

Katanya, bekalan minyak masak di Perlis adalah mencukupi, bagaimanapun sikap pengguna yang membeli secara berlebihan menyebabkan berlaku kekurangan bekalan di pasaran.

"Untuk Kedah dan Perlis saja, Kementerian menambah 220 tan minyak masak minggu lalu. Kita berharap pengguna tidak panik kerana bekalan mencukupi," katanya.



HASIL RAMPASAN: Penguat kuasa KPDNHEP memeriksa minyak masak dan tepung gandum yang cuba diseludup ke negara jiran di Kompleks Kuarantin dan Imigresen Padang Besar, kelmarin.

FAKTA NOMBOR

Operasi KPDNHEP

10

Gumi tepung cuba diseludup

60

Kampit minyak masak dirampas

BERNAMA